

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING**  
**TARIKH : 30.10.2017**  
**SOALAN : NO. 53**

**DR. ONG KIAN MING [SERDANG]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapa kedudukan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam senarai universiti terbaik dunia "Shanghai Academic Ranking of World Universities", Times Higher Education (THE) World University Rankings dan US News Best Global University Rankings jauh lebih rendah berbanding dengan senarai QS World University Rankings. Mengapa pihak Kementerian hanya memberi tumpuan kepada senarai QS World University Rankings sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa sistem penarafan pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa seperti *QS World University Rankings (QSWUR)*, *Times Higher Education World University Rankings (THE)*, *US News Best Global University Rankings* dan *Shanghai Academic Ranking of World Universities*. Sistem ranking ini secara dasarnya memberi pemberat yang tinggi untuk output penyelidikan seperti bilangan sitasi dan jumlah penerbitan di dalam jurnal berindeks. Namun demikian, setiap sistem penarafan mempunyai perbezaan dari segi kriteria dan pemberat yang dinilai.

Malaysia pada dasarnya menggunakan sistem QSWUR sebagai rujukan kerana sistem ini telah matang dan menyediakan perspektif yang

lebih luas seperti ranking bersifat serantau, ranking untuk subjek/bidang dan ranking untuk universiti baharu yang lebih bertepatan dengan aspirasi dan perancangan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Sistem penilaian QSWUR juga adalah sistem yang menilai pencapaian universiti dalam penyelidikan, output penyelidikan dan pengantarabangsaan pelajar serta staf akademik. Pemberat bagi setiap kriteria yang dinilai adalah dari segi reputasi akademik, nisbah pelajar per pensyarah, Jumlah sitasi per pensyarah, reputasi di kalangan majikan, nisbah pensyarah antarabangsa dan nisbah pelajar antarabangsa

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan universiti tempatan di dalam QSWUR juga sentiasa menunjukkan peningkatan setiap tahun. Laporan QS-World Universiti Rankings 2017/2018 menunjukkan peningkatan kedudukan 5 buah Universiti Penyelidikan (RU) di peringkat antarabangsa berbanding 2016/2017. Kedua-dua UM dan UPM telah menunjukkan peningkatan untuk lima tahun berturut-turut iaitu dari 2013 hingga 2017. UM kini berada pada kedudukan ke-114, di ambang kelompok 100 terbaik dunia. UPM pula telah mencapai peningkatan yang tertinggi dengan peningkatan sebanyak 182 tempat dan kedudukan terkini ialah di tempat ke-229 jika dibandingkan kedudukan ke-411 dunia pada 2013/14. UKM pula merekodkan pencapaian peningkatan sebanyak 72 tempat dan menjadikan UKM universiti yang mengalami peningkatan terbaik pada tahun ini sekaligus menempatkan UKM di kedudukan ke-230, berbanding pada tahun 2016/ 2017 yang berada di kedudukan ke 302. USM yang menyaksikan penurunan tahun lepas juga telah meningkat sebanyak 66 tempat pada tahun ini dari 330 pada tahun 2016/2017 ke 264 bagi tahun 2017/2018. UTM juga mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan apabila meningkat sebanyak 102 tempat daripada 355 pada 2013/14 kepada 253 pada tahun 2017/18. Ini merupakan

pencapaian terbaik RU setakat ini dan menempatkan RU Malaysia berada di kedudukan *top 1%* di peringkat Dunia.

Di peringkat Asia pula, laporan QS University Rankings Asia 2018 telah mengiktiraf kelima-lima RU di kedudukan antara 50 universiti terbaik disamping 17 lagi universiti awam dan swasta menduduki kedudukan top 300. Berada di kedudukan top 50 di peringkat Asia adalah satu pencapaian terbaik Malaysia.